

21 JUL 2002

KHALIL DENDANGKAN "SERULING ANAK GEMBALA" DI KONVENSYEN K3P

JITRA, 21 Julai (Bernama) -- Walaupun dibayangi kehadiran artis popular Siti Nurhaliza dan kumpulan Raihan, namun Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob tidak kurang hebat mempamerkan bakat nyanyiannya sempena perasmian Konvesyen K3P peringkat kebangsaan di sini hari ini.

Beliau menerima tepukan gemuruh daripada para hadirin dengan dendangan lagu "Seruling Anak Gemala" sebaik sahaja Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selesai berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat sempena konvesyen berkenaan.

Sebelum itu, Siti Nurhaliza, Raihan dan Roy yang diundang khas sempena majlis itu menghiburkan orang ramai dengan persembahan masing-masing.

Terdahulu, Dr Mahathir menyampaikan hadiah piala pusingan dan wang tunai RM10,000 kepada Kumpulan K3P Kampung Permatang Duku, Benut dari Johor yang memenangi Anugerah K3P terbaik peringkat kebangsaan.

-- BERNAMA

MNH ROS